



KENYATAAN MEDIA

YB MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

MAJLIS DIALOG YB MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA BERSAMA BELIA MALAYSIA

1. **Majlis Dialog YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna Bersama Belia Malaysia** anjuran bersama **Sekretariat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)** dan **Majlis Belia Malaysia (MBM)** telah diadakan pada **5 Ogos 2019** bertempat di **Dewan Serbaguna KPDNHEP**.
2. Sesi Dialog ini dihadiri oleh **41 gabungan belia seluruh Malaysia**, **Majlis Perwakilan Mahasiswa Kebangsaan**, pegawai – pegawai muda dari **Kementerian – kementerian** dan **wakil – wakil Kluster** di bawah **Majlis Tindakan Sara Hidup Negara**.
3. Sesi Dialog ini diadakan adalah bertujuan untuk berkongsi serta mendapatkan **informasi** dan maklumbalas secara terus dari rakyat terutamanya golongan belia berkenaan isu sara hidup masa kini. Informasi dan maklumbalas yang dikumpul semasa sesi Dialog ini akan dibawa ke meja rundingan serta dibincangkan di **Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Peringkat Eksekutif dan Tertinggi** yang akan datang.
4. KPDNHEP berhasrat untuk memperkasakan peranan belia supaya terlibat lebih aktif dalam menangani isu sara hidup. Diharapkan dengan penglibatan belia ini akan dapat memberikan lebih banyak input kepada KPDNHEP serta akan membantu menyebarkan inisiatif yang diambil oleh pihak Kerajaan.
5. Sesi Dialog sebegini akan diteruskan pada masa akan datang sebagai saluran dua hala. Ini kerana, penglibatan golongan belia dapat menggalakkan percambahan fikiran dalam usaha kerajaan memahami isu sara hidup yang dihadapi rakyat secara umumnya dan belia secara khususnya.

YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna
Putrajaya
5 Ogos 2019